

## MELAYU TIDAK BOLEH BERGANTUNG KEPADA UMNO LAGI

Oleh

Tun Abdul Hamid Mohamad

### BAHAGIAN PERTAMA

(Bahagian ini ditulis sebelum hari mengundi)

Semenjak pembubaran Parlimen sehingga ke hari ini, sehari sebelum hari mengundi, saya tidak menulis mengenai politik. Sebabnya ialah saya tidak mahu “mengajar” atau meramal. Saya tidak mahu “mengajar” parti-parti Melayu, khususnya, untuk berbuat dan tidak berbuat itu dan ini kerana mereka tidak akan mengendahnya. Kepada mereka kepentingan diri dan parti adalah lebih utama daripada perpaduan ummah, kepentingan orang Melayu/Islam dan negara, umumnya.

Saya juga tidak mahu meramal mengenai keputusan pilihan raya itu, kerana ia boleh jadi betul atau boleh jadi tidak. Saya lebih suka menunggu, melihat keputusannya dan menganalisis keputusannya yang sebenar.

Walau bagaimana pun, sehingga hari mengundi, dapat diperhatikan bahawa DAP telah mempelajari kesilapan mereka semasa menghadapi PRU 14 manakala parti-parti Melayu, tidak mengambil pengajaran daripada kesilapan mereka dalam PRU 14 itu.

Maksud saya, mereka tidak mengeluarkan kenyataan yang menyakitkan hati orang Melayu. Tidak pula kedengaran mengenai Red Beans yang menjalankan propaganda DAP dan menghentam pendapat dan penulis yang penulisannya tidak menyebelahi DAP dan kepentingan orang Cina termasuk yang mempertahankan peruntukan Perlembagaan mengenai hak orang Melayu dan kedudukan agama Islam. Ngo-Ngo Cina seperti Dong Zong juga tidak bersuara dan membuat tuntutan-tuntutan melampau yang menyebabkan orang Melayu marah, berakhir dengan perhimpunan menentang ICERD. Perlu diingati bahawa perhimpunan 8 Disember 2018 itu bukan sahaja sekadar menentang ICERD. Tidak kurang pentingnya, ia adalah kemuncak kemarahan orang Melayu terhadap Kerajaan PH, DAP dan tuntutan-tuntutan melampau NGO-NGO Cina. Dalam PRU 15 ini, orang-orang Cina individu juga tidak berbuat sesuatu seperti menyebarkan video mereka terbuka puasa dengan sup babi dan lain-lain untuk menghina agama Islam.

Mereka tidak mengulangi semua itu. Mungkin mereka telah dilarang oleh DAP dan PH. Tetapi ia tidak bererti mereka tidak berbuat apa-apa. Mereka hanya menukar taktik mereka, melakukannya senyap-senyap atau menggunakan orang lain untuk mencapai kehendak mereka.

Dalam PRU14, kelantangan DAP menyebabkan orang Melayu berfikir bahawa DAP-lah parti dominan dalam PH. Ini adalah satu faktor yang menyebabkan kejatuhan Kerajaan PH tidak lama setelah ia ditubuh. Kali ini, yang paling lantang ialah DS Anwar Ibrahim dan Rafizi. Ia memberi gambaran kepada orang Melayu seolah-olah PKR-lah parti dominan dalam PH. Itu penting bagi PH kerana ia perlu diterima oleh orang Melayu. PH

tidak perlu risau mengenai sokongan orang Cina kerana selagi DAP berada dalam PH, sokongan orang Cina tetap terjamin.

Di samping itu, PH, melalui AMANAH, malah DAP sendiri, telah menonjolkan muka-muka baru, muda dan berhijab di samping membawa masuk anak Nik Aziz yang berpakaian seperti seorang “ulamak”, penceramah agama atau calon PAS, sebagai calonnya di Pantai Barat Semenanjung setelah ditolak di Kelantan dalam PRU14. Itu dilakukan untuk menunjukkan bahawa PH bukan anti-Islam, malah mesra Islam. Sama ada mereka akan berjaya atau tidak kita belum tahu. Yang jelas ialah begitu murahnyanya Islam dan nama ulamak sanggup dijual oleh mereka untuk mendapat satu kerusi Parlimen atau DUN.

Parti-parti Melayu tidak mengambil pengajaran daripada kesilapan mereka dalam PRU14. Bukan sahaja mereka menolak usaha orang Melayu umumnya untuk menyatukan ummah, terutama sekali penyokong-penyokong UMNO dan PAS. Sebaliknya, bilangan parti-parti Melayu bertambah, mengakibatkan undi Melayu lebih lagi berpecah.

Parti-parti Melayu itu lebih kuat mengkritik sama sendiri daripada mengkritik PH yang sepatutnya menjadi musuh bersaka. Yang untung adalah PH. Tidak cukup dengan itu, pemimpin-pemimpin Melayu itu bercakaran sesama sendiri, terutama sekali di kalangan pemimpin-pemimpin UMNO.

Satu perkara lagi yang jelas kelihatan ialah kebencian orang ramai kepada DS Zahid. Setiap orang yang saya temui termasuk yang biasanya mengundi BN apabila disebut UMNO, berkata “Saya benci Zahid”. “Kalau dia masuk penjara awal-awal dah selesai masalah.” “Semua dah elok, dia yang buat sial.”

## BAHAGIAN KEDUA

(Bahagian ini ditulis selepas hari mengundi dan keputusan diketahui.)

20 11 2022. Keputusan telah diketahui. Ia menunjukkan PH mendapat 82 kerusi, PN 73, BN 30, GPS 23, GRS 6, WARISAN 3, BEBAS 2, PBM 1, KDM 1, Jumlah 221.

Pecahan mengikut parti, bagi gabungan PH, PKR mendapat 31 kerusi, DAP 40, AMANAH 8, UPKO 2, MUDA 1. Bagi gabungan PN, Bersatu mendapat 28, PAS 44, PN Direct 1. Bagi gabungan BN, UMNO mendapat 26 kerusi, MCA 2, MIC 1, PBRS 1. Untuk perbincangan ini, keputusan di Sabah dan Sarawak tidaklah perlu diperturunkan.

Perhatikan bahawa Bersatu mendapat 28 kerusi, PAS 44 dan UMNO 26.

Jika itu tidak cukup, lihatlah seterusnya. DS Shahidan Kassim yang tidak dipilih untuk bertanding sebagai calon BN kerana kerap tidak bersetuju dengan DS Zahid, bertanding sebagai calon PN, menang dengan majoriti besar; Ketereh (yang sebelum ini berturut-turut dimenangi oleh TS Annuar Musa, tetapi tidak dipilih bertanding sebagai calon BN) jatuh kepada PAS; demikian juga Tanjung Karang dan Pasir Salak, kubu UMNO yang sekian lama dipertahankan oleh TS Noh Omar dan DS Tajuddin Abdul Rahman dan

mungkin jugakah Grik? DS Ahmad Zahid sendiri hanya menang dengan majoriti 348 di kampungnya sendiri.

Sekali imbas pun sudah nampak, apa yang dikatakan di atas (sebelum hari mengundi itu) betul. Di Semenanjung, khususnya, apa yang berlaku dalam PRU14 berulang semula, iaitu perpecahan undi Melayu yang disebabkan oleh BN, PN dan PAS telah memberi kemenangan kepada PH. Cuma, setakat ini kita tidak tahu berapa banyak kerusikah yang dimenangi PH itu akibat perpecahan undi Melayu itu. Dalam PRU14 ia dianggarkan sebanyak lebih kurang 30 kerusi.

Ini jelas menunjukkan, walaupun pemimpin-pemimpin parti Melayu itu tahu akibat bertanding melawan sama sendiri, kerana angkuh dan kerana mengutamakan kepentingan parti (dibaca diri) mereka enggan bertolak ansur untuk mengelaknya. Akibatnya, merekalah yang menyerahkan kerusi-kerusi itu kepada PH. Apa gunanya berpekik "No DAP. No Anwar" apabila mereka sendiri yang membantu DAP dan Anwar membantu PH memenangi PRU15?

Selain dari itu, keputusan PRU15 itu menunjukkan kekalahan UMNO/BN yang sangat teruk, paling teruk dalam sejarah.

Saya katakan, ini disebabkan oleh DS Zahid yang angkuh dan bertanggungjawab menetapkan calon-calon UMNO dalam PRU15. Beliau angkuh kerana UMNO memenangi PRN Melaka dan Johor walaupun itu berlaku *in spite of him*. Beliau dilihat sebagai seorang yang berusaha untuk mengguna kuasa supaya pendakwaan terhadapnya tidak diteruskan seperti Lim Guan Eng atau, jika dia didapati bersalah, beliau akan diberi pengampunan seperti DS Anwar Ibrahim. Berulang-ulang kali beliau mengugut untuk menarik balik sokongan kepada Perdana Menteri TS Muhyiddin Yassin dan DS Ismail Sabri. Beliau, disokong oleh MKT UMNO menekan Perdana Menteri Ismail Sabri supaya menghadap DYMM SPB Yang di-Pertuan Agong untuk membubar Parlimen dan mengadakan pilihan raya yang dilihat sebagai tamakkan kuasa untuk digunanya bagi membebaskannya daripada pertuduhan-pertuduhan jenayah terhadapnya. Semua persepsi dan realiti itu menimbulkan kebencian orang ramai, termasuk pengundi BN, menyebabkan mereka mengundi PN.

Ini adalah ulangan tsunami PRU14. Tetapi tsunami PRU14 adalah dari UMNO kepada PH kerana orang Melayu bencikan DS Najib. Tsunami PRU15 ini adalah dari UMNO kepada PN kerana orang Melayu bencikan DS Zahid. PH mendapat faedah sampingan kerana perpecahan undi Melayu akibat kurang cerdiknya pemimpin-pemimpin Melayu. Tetapi kita tidak boleh menafikan kebijaksanaan PH, terutama sekali DAP, dalam menukar taktiknya. Sebaliknya, pemimpin-pemimpin parti-parti Melayu tidak mengambil pengajaran daripada apa yang berlaku dalam PRU14 itu.

Setelah kalah teruk pun, DS Zahid masih enggan berundur sebagai Presiden UMNO. Hari ini, dua hari selepas PRU15, UMNO diketuai DS Zahid sedang berunding dengan DS Anwar Ibrahim yang mengetuai PH untuk menubuh Kerajaan PH-BN. Mereka lupa apa yang dilakukan oleh Kerajaan PH yang ditentang sekeras-kerasnya oleh orang

Melayu dan UMNO sendiri seperti menjual harta Tabung Haji dan Kerajaan Persekutuan, kepada Cina Singapura.

Pemimpin-pemimpin DAP tidak menunjukkan muka atau bersuara dalam perbincangan BN-PH itu. Itu taktik cerdik DAP untuk tidak memberi gambaran bahawa DAP adalah parti dominan dalam PH.

Di Perak, BN telah bergabung dengan PH untuk menubuh kerajaan. UMNO lupa apa yang dilakukan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat (DAP-PKR-BN). Dalam tempoh yang singkat berapa luas tanah Kerajaan Negeri Perak diberi kepada sekolah-sekolah Cina dengan pajakan 999 tahun sedangkan amalan sebelum itu hanya memberi pajakan 99 tahun. UMNO bersetuju bergabung dengan DAP semata-mata kerana DAP menawarkan jawatan Menteri Besar kepadanya sedangkan majoriti ahli Exco adalah daripada PH. Itu jugalah keadaan dalam Kerajaan Pakatan Rakyat itu: jawatan Menteri Besar dibri kepada PAS manakala majoriti ahli Exco adalah daripada PH (dibaca DAP).

Ini menunjukkan pemimpin-pemimpin UMNO tidak mempedulikan kepentingan orang Melayu lagi. Yang penting kepada mereka hanya mendapat jawatan.

Di Pahang pun, nampaknya UMNO sedang mengikuti jejak UMNO Perak itu.

Ini jelas bertentangan dengan resolusi Perhimpunan Agung UMNO yang mengatakan: "No Anwar. No DAP."

Ada juga pemimpin-pemimpin UMNO yang berkata UMNO tidak akan bergabung dengan PN melainkan jawatan Perdana Menteri diberi kepada UMNO. Ingatlah, UMNO hanya mendapat 26 kerusi berbanding dengan 73 oleh PN. Itu juga menunjukkan mereka lebih mementingkan jawatan Perdana Menteri daripada mengelak jatuhnya Kerajaan Persekutuan kepada PH.

Sampai di sini saya menulis, terdengar pula berita bahawa BN mengambil keputusan berkecuali. Ertinya, ia tidak meyokong PN atau PH dalam pemilihan pelantikan Perdana Menteri. Jika ini menyebabkan PH berkuasa semula, ini adalah kesilapan UMNO terbesar yang membunuh dirinya sendiri. Pemimpin-pemimpin UMNO tidak boleh dimaafkan.

Semua ini menunjukkan bahawa orang Melayu sudah tidak boleh bergantung kepada UMNO lagi untuk membela kepentingan mereka. Maka, sudah tibalah masanya bagi orang Melayu meninggalkan UMNO dan memberi sokongan padu kepada PN.

22 11 2022

tunabdulhamid@gmail.com  
<http://www.tunabdulhamid.my>  
<https://tunabdulhamid.me>

Nota: Dipinda pada 23 11 2022